

# Lebih 15,000 pelajar UMS terima KADS1M

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL  
conyppearl09@gmail.com  
19 09 2012 B3

**L**EBIH 15,000 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) bagi membantu mengurangkan kos sara hidup.

Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr Ng Yen Yen, berkata dalam melaksanakan inisiatif KADS1M itu, sebanyak 30 syarikat yang dengan 150 premis di seluruh negeri ini terbabit dalam usaha itu.

“Dalam melaksanakan inisiatif ini, kerajaan tidak menanggung sebarang perbelanjaan, sebaliknya ia merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi syarikat-syarikat yang memberikan diskaun serta Bank Rakyat yang mengeluarkan kad berkenaan.

“Justeru, melalui pemberian KADS1M ini, dijangkakan memberikan manfaat kira-kira 1.5 juta pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara di bawah bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi menangani kos sara hidup,” katanya ketika Majlis Penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia, di sini.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Profesor Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, KADS1M merupakan flash card dan bukannya kad yang menawarkan mata ganjaran.



NG ketika menyampaikan amanatnya.

“Pelajar hanya perlu menunjukkan KADS1M beserta kad pelajar atau kad pengenalan bagi mendapat diskaun di beberapa syarikat yang terlibat dengan program ini.

“Dengan itu pelajar akan menikmati diskaun dua peratus hingga 60 peratus bagi barangan dan perkhidmatan terpilih dan tertakluk dengan terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat terbabit,” jelasnya.

Menurut Harun, KADS1M juga terbuka kepada seluruh pelajar IPT awam dan swasta warganegara Malaysia yang mengikuti pengajian jangka panjang bagi tempoh satu tahun ke atas sama ada peringkat sijil, diploma, ijazah dan juga peringkat sarjana.

Tambahnya, KADS1M hanya boleh digunakan sepanjang tempoh pengajian sahaja dan caj gantian akan dikenakan sebanyak RM2 bagi setiap kad yang hilang ataupun gantian.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor, Prof. Madya Datuk Dr, Kasim Md. Mansur dan tetamu kehormat yang lain.



HARUN



KETIBAAN Ng (tengah) diiringi Harun (kanan) disambut meriah oleh warga UMS.



NG (kiri) menyampaikan KADS1M kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan oleh Harun (dua, kanan). Sementara gambar kiri, Ng bersama warga UMS melaungkan slogan 1Malaysia setelah selesai majlis penyerahan itu.